

**TEKS UCAPAN YAB PERDANA MENTERI: LAWATAN KERJA DAN MAJLIS RAMAH MESRA YAB PERDANA MENTERI BERSAMA MASYARAKAT PADANG RENGAS**

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Date : 27/10/2024

---

**NOTA PERCAKAPAN**

**(VERBATIM)**

**YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**

**PERDANA MENTERI**

**SEMPENA**

**FORUM ILMUAN MADANI SIRI II:**

**SEKTOR TENAGA PEMANGKIN PERTUMBUHAN  
SOSIOEKONOMI YANG MAMPAN DAN INKLUSIF**

**28 OKTOBER 2024 (ISNIN) | 8.30 MALAM**

**LE MERIDIEN HOTEL, PUTRAJAYA**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillah Rabbil A'lamin

Nahmaduhu Wa Nusalli Ala Rasoolihil Kareem

**YAB Dato' Seri Fadillah Haji Yusof,**

Timbalan Perdana Menteri;

YB Senator Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi;

**YBrs. Tan Sri Tengku Muhammad Taufik,**

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS; dan

Rakan-rakan yang dimuliakan.

## **SESI I: MUKADIMAH YAB PERDANA MENTERI**

1. Ini dalam Forum Ilmuan Malaysia MADANI Siri ke-2 telah ditingkatkan semula, diperkenalkan dan ini inisiatif YB Senator Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi. Dan setelah kejayaan sesi pertama yang bicara soal ekonomi makro dengan format yang sama iaitu seorang Menteri, seorang akademik dan selalunya seorang lagi usahawan atau ahli korporat atau profesional atau teknokrat, jadi itu kita seimbangkan. Sesi ini sepatutnya santai dan yang diundang itu akan bicara hanya berikan matannya sahaja dan tinggal syarahnya dibicarakan secara terbuka, memberi ruang sepenuhnya kepada rakan-rakan, memberi pandangan supaya didengari oleh semua pihak. Tujuannya itu adalah menyemarakkan ilmu ke arah kecerdasan, ke arah tradisi yang disebut tradisi ilmu atau tradisi akliah.
2. Jadi tajuk itu kita sesuaikan dengan sponsor- Jadi kalau sponsor yang lalu ialah Tenaga Nasional Berhad, kali ini PETRONAS dan saya percaya akan juga menyentuh isu-isu tapi tidak terikat dengan hal, tajuk atau mauduk yang tetap dan memberi ruang untuk mencambahkan ilmu dan saya fikir satu kewajaran untuk kita jayakan program seperti ini.
3. Hari ini tentunya kita bicarakan soal tenaga pemangkin pertumbuhan sepatutnya diajak bicara Dato' Seri Fadillah, mungkin dia akan jadi pengulas pertama. Kerana mauduk itu kadang-kadang dihadam setelah ditelaah oleh pakar-pakar tertentu dan kalau di kalangan Menteri tentunya harus menguasai kerana mereka akan menentukan

dasar dan hala tuju. Kegagalan menguasai itu akan menyebabkan dasar kita tempang.

4. Sekarang seperti saudara lihat, beberapa pelan yang telah diperkenalkan menjurus ke arah itu. Pelan Perindustrian, Peralihan Tenaga, Transformasi Digital dan kemudian dicerakin lagi secara yang lebih teliti soal umpamanya semi konduktor yang dirasakan perlu. Kerana sama ada pelabur domestik atau luar, mereka mahu lihat tentunya politik yang stabil, tapi disusuli dengan dasar yang jelas dan cabaran yang harus kita tangani ialah kepantasan pelaksanaan yang tentunya menjadi satu cabaran yang besar.
5. Saya nak singgung singkat sedikit tentang isu ini, soal ini kerana terkait juga dengan peralihan tenaga akibat daripada cabaran iklim. Saya mula terdedah dengan isu ini melalui satu kupasan Seyyed Hossein Nasr dalam 'Man and Nature: The Spiritual Crisis in Modern Man' sekitar tahun 1961. Pada masa itu belum ada sama sekali perbincangan tentang cabaran iklim atau persekitaran. Dia membawa kupasan tentang keperluan Islam itu, umatnya terangkat sebagai ummatan wasata, pertahankan keseimbangan, equilibrium termasuklah juga man and nature. Ini sahaja boleh jadi littaqunu syuhada a'ala al-nas, contoh kepada umat manusia. Jadi tesis beliau adalah bahawa fassad, corruption on earth, kecelaruan itu berlaku akibat diizinkan kegelojohan, kerosakan bumi, tumbuhan, bukit bukau tanpa menjaga keseimbangan itu, yang wasat atau equilibrium
6. Kemudian saya ingat kalau sekitar tahun 70-an, muncul laporan beberapa sarjana pemikir terkemuka dunia yang tergabung dalam

'Club of Rome'. Laporan 'Club of Rome' itu merupakan di antara asakan pertama yang mengejutkan dunia tentang cabaran, kemusnahan sekiranya tidak dilaksanakan program, mengambil kira kerosakan akibat kegelojohan manusia yang tidak pertahankan equilibrium itu tadi. Saya ingat termasuk juga 'Only One Earth: The Care and Maintenance of a Small Planet' oleh Barbara Ward dan Rene J. Dubos, kalau tak salah saya. Tapi tak dapat umpamanya menarik perhatian pimpinan negara, perancang ekonomi negara masing-masing. Ia hanya menjadi perdebatan terasing di kalangan sarjana atau di universiti. Sehingga kemudian dan kini sudah jadi kenyataan. Walaupun masih ada lagi climate denial sampai sekarang.

7. Sebab itu saya ingat dalam sesi ini kita ada perkenalkan tiga (3) tokoh yang boleh membantu mengupas tentunya dalam bidang masing-masing. Pertamanya, Tan Sri Tengku Muhammad Taufik, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS, saudara sudah kenal. Kemudian diikuti oleh YB Rafizi Ramli, Menteri Ekonomi dan diikuti oleh Prof. Dr. Sufian Jusoh, Pengarah dan Profesor Perdagangan dan Pelaburan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Mereka itu ada expertise. Saya beri mukadimah tajuk-tajuk yang saya fikir mereka tidak kuasai. Barbara Ward, 'Club of Rome', buku Seyyed Hossein Nasr, itu yang boleh saya survive. Kalau saya singgung tajuk-tajuk yang mereka mahir, saya kalah. So, you understand the strategy now (nada seloroh).

## **RUMUSAN SESI I (37.00 – 47.00)**

1. Terima kasih saudara Prof Dr Sufian Jusoh. Forum Imuan Malaysia MADANI (FIM) yang kedua ini nampak lebih berat, lebih substantif

dan PETRONAS, saya harus akui walaupun kerana kedudukan PETRONAS sekarang di peringkat antarabangsa itu di antara yang dihormati, terkemuka bukan sahaja dari segi kejayaan exploration dan trade tetapi integriti sebagai satu badan yang terkemuka dan aktif di banyak negara.

2. Peralihan tenaga bergerak agak pantas umpamanya tenaga solar yang disebut oleh YM Tan Sri Tengku Muhammad Taufik Tengku Kamadjaja Aziz di Tasik Kenyir bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB), itu dianggap satu inisiatif, ikhtiar baharu yang tidak menyangkut soal tanah kerana dibuat di atas tasik yang cantik, tempat favourite saya untuk jet ski dahulu.
3. Jadi soal alternatif ini harus diberi penekanan walaupun saya setuju dengan YM Tan Sri Tengku Muhammad Taufik Tengku Kamadjaja Aziz, kita tidak boleh terikat dengan rencana barat yang mengekang terlalu cepat pengeluaran minyak dan ini juga pendirian kita bersama dengan Saudi Aramco dan beberapa badan atau agensi pengeluaran minyak yang terkemuka.
4. Keduanya terkait dengan yang dilontar oleh saudara YB Tuan Mohd Rafizi bin Ramli ialah mengenai permasalahan yang terkini, maknanya sejauh mana kita dapat bergerak dengan pantas, beralih kerana negara yang terlalu lama bergantung kepada kekuatan PETRONAS, itu kadang-kadang ada resistance to change dan ini saudara adalah cabaran kita yang besar dan beliau singgung tentang negara Eropah. Negara Eropah sekarang mengakui kebergantungannya kepada Rusia menyebabkan ia terhambat dari

segi perubahan kerana alternative energy source is now very limited and very costly.

5. Jadi negara Germany umpamanya mengguna istilah de-risking dalam foreign policy strategy, baik dengan semua yang baharu termasuk dengan negara China tetapi de-risk oleh kerana de-risking dengan China lah menyebabkan ia kena pilih selain daripada meneruskan trade dan Investment dengan China, ia mahu melihat alternative regions dan ASEAN menjadi prioriti dan diberi keutamaan kepada Malaysia.
6. Jadi kita ada juga tentang comparative and advantage not by choice or plan tetapi by accident Jadi kita harus manfaatkan ini dengan sebaiknya. Prof Dr Sufian Jusoh bangkitkan soal geopolitical, benar, sebab itu saya ingat walaupun dasar luar yang kita, kami dalam Kerajaan sekarang warisi itu tidak sangat berbeza daripada apa yang pernah diperkenalkan dahulu tetapi kita agak lebih agresif umpamanya dengan negara China bukan soalan yang ambil pelaburan, tetapi tentang memanfaatkan dari segi diplomatic engagement, ini yang berbeza sedikit.
7. Kita umpamanya okay, kita teruskan ECRL but on our terms; transfer technology, our local resources and staff, centre of excellence, training of our personnel and contracts to locals. Ini dengan negara China kalau ikut pengalaman saya, kita harus polite tetapi terus terang dan saya lihat setakat ini adjustments yang dibuat itu tidak terlalu sukar umpamanya dalam hal South China Sea yang agak tegang dengan negara Filipina. Ada beberapa pertimbangan termasuk

again geopolitical, sebab Filipina dianggap sedikit condong ke Amerika tetapi saya sebagai sebagai rakan ASEAN memang memilih untuk pertahankan Filipina dalam semua rundingan dua hala dengan negara China kerana kita mengatakan ASEAN itu perlu lebih cohesive dan menjadi satu ekonomi entiti yang kuat.

8. ASEAN boleh berbangga sebagai salah satu sub-regional grouping yang dianggap most successful, peaceful and with huge, enormous economic potential and the fastest growing economy sub-region. Tetapi focus kita on economic relations and trade itu minimum. Jadi sebab itu dalam kita punya tema tahun depan tentang sustainability and inclusivity, kita akan tekankan dalam energy sector termasuk ASEAN Power Grid yang sekarang tugas besar saudara YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof dan yang keduanya soal energy melalui ASEAN Power Grid, satu lagi soal digital. Soal rangkaian digital yang menjadikan ASEAN satu hub.
  
9. Jadi benar kita akan promote Malaysia tetapi kita ambil satu sikap yang lebih terbuka untuk promote region dan oleh itu umpamanya hubungan kita dengan negara Indonesia, Singapura, Filipina sangat penting. Hubungan kita dengan negara Thailand dengan menjadikan zon di utara, kebetulan negeri-negeri utara yang relatifnya agak lebih miskin. Ini bukan political statement, memang miskin betul. Kita kena bayar gaji diaorang, saya tahu. Jadi untuk negeri Kelantan, Terengganu, Perlis dan north Kedah terutama, itu akan bergantung kejayaan kita promote economic growth yang akan juga membantu selatan Thailand dan ini Perdana Menteri Srettha Thavisin dahulu dan sekarang Perdana Menteri baharu Paetongtarn Shinawatra nampak setuju.

10. Jadi kita besarkan kita punya laluan di utara di sebelah Perlis dan Kedah dan kita mulakan Projek Jambatan Sungai Golok, Rantau Panjang dan lingkaran itu strategi kita, mesti kita hidupkan dengan kegiatan ekonomi. Dengan Singapura tentunya economic zone sekarang financial zone, tetapi more important economic zone walaupun ada isu yang kita kena resolve, kadang-kadang rundingan dengan Singapura ini mengambil sedikit waktu dan sedikit kepintaran tetapi bagi saya sangat strategik kerana ia akan memberikan win-win situation, bukan sekadar menjual cheap energy dan cheap water. Sebab itu dulu kita welcome semua data centre tetapi sekarang tidak. Data centre kalau added tentang centre of excellence, artificial intelligence (AI) dan transfer latihan, exposure, yes, kalau tidak kita tidak akan terima. So kita ada advantage di sini kerana kita sudah sampai ke tahap di mana we can now be more selective with the type of investments we receive.
  
11. Yang lain itu saya ingat saya akan dengar pandangan saudara terutama dalam membantu kita memperbaiki dari segi governance kita dan juga dari segi memanfaatkan kedudukan kita sebagai pengerusi ASEAN. To me it is extremely critical, we have to disburse quite substantial funds to support that the ASEAN agenda for 2025 but at the same time it is a necessary that we make full use of it to ensure that Malaysia is all benefits. We are trying in every way, the smallest, for example, all gifts to leaders and because we have hundreds of meetings, Officials, Senior Official, the Ministers and Heads of Government must use and must buy from local handicraft from Kelantan, Terengganu, Sabah, Sarawak for example.

12. I think this means that if we plan it carefully, we are not talking about broad or big ventures companies but also small players including handicrafts, if we do plan well and make sure they produce in time than actually we can be substantially affect this welfare of our common person (rakyat) at the lowest level possible and I think this requires quite a lot of planning work. It is interesting that the Cabinet Ministers decided recently because everywhere we go, Heads of Government will get this very impressive huge Mercedes. So what happens now? We think that if we are serious about sustainability and energy transition, let us show case in Malaysia, all cars to be provided for Heads of Government and Ministers and Officials will be only using electric vehicle (EV) car. That is the decision and the good news is that is much cheape

13. Jadi EV termasuk Heads of Government maknanya, relatively a little bit smaller sebab ada kereta yang besar, belum ada lagi EV. Jadi kita akan memaklumkan kepada semua Heads of Government, 'kami memang hendak sediakan kereta yang lebih besar tetapi kereta EV yang paling besar ini sahaja yang ada'. Jadi please use it and please be satisfy. Okay next ada respons, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof dahulu...

**ULASAN YAB PERDANA MENTERI KEPADA PANDANGAN YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF, TIMBALAN PERDANA MENTERI II**

1. Satu hal yang patut kita singgung ialah kekuatan baru Sarawak dan Sabah. Kerana Sarawak umpamanya menunjukkan keupayaan jauh lebih besar dan mula dengan inisiatif Petronas dengan Sarawak umpamanya tingkatkan soal green hydrogen, ammonia dengan huge potential dan termasuk cadangan undersea cable dari Sarawak ke Johor. Dan satu lagi Sarawak ke Singapura, walaupun itu mengambil masa kerana melibatkan rundingan dengan Indonesia. Tapi kalau dengan semenanjung kita sudah bagi kelulusan untuk menyegerakan. Kemudian Sabah sekarang ini promote secara agresif blue economy kerana kekuatan wind itu sangat kuat di pantai barat Sabah. Jadi nampak fokus begitu, jadi kalau ini digabungkan kekuatan ini quite phenomena.

## **ULASAN YAB PERDANA MENTERI KEPADA PANDANGAN YB HOWARD LEE CHUAN HOW, AHLI PARLIMEN IPOH BARAT**

1. Energy is a strategic sector, you just don't give a way to any foreign company to invest when we have the capacity. We have capacity will to deal with it if they want to come in, they come in and then join it. Actively join the participation from the local. The problem that you raise, fortunately, is in attempt to a position by a foreign company virtually taking over the industry. That is our concern that is being revised. Can you bring into YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof? I'm sure we can reconsider.

## **PENJELASAN TENTANG KAJIAN (1:18:34 – 1:21:06)**

1. Terima kasih, saya nak perelaskan tentang research dan pembangunan kerana kita berbeza dengan negara lain GLICs ni huge Khazanah, PETRONAS, KWAP sebagaimana Kenyir pelaburan yang sangat tinggi tapi ianya bukan dana kerajaan, bukan development expenditure.
2. So, it is not right to purely suggest development expenditure should be confine on the government project that is how the traditional manner, how we compartmentalize it. Now we will have to know educate our people and economist must have accept the fact if we talking about totality, it is whole of government approach because after all strategic decision, policy decision GLICs have to confirm there over-riding the national policy.
3. GLICs umpamanya dari segi pelaburan dalam 5 tahun akan jadi RM50 bilion, dia tidak terasing daripada kerajaan sebab itu dalam belanjawan bila kita kata RM30 bilion untuk tahun depan kita maksud RM90 bilion campur RM30 bilion, walaupun dia tak termasuk dalam development expenditure per say.
4. Begitu juga tentang research, research yang dibelanjakan oleh GLICs termasuk PETRONAS mencecah setengah bilion, masalah kita ialah masalah penyelarasan. Dalam Mesyuarat Majlis Sains Negara yang pertama yang saya pengerusikan sebelum ini saya tegaskan semua keputusan oleh Institusi Sains dan Pendidikan Negara, mesti wajib selaras dengan universiti.

5. Maknanya apa yang berlaku di universiti mesti ada sinergi dengan Majlis Sains Negara kalau tidak ia masih compartmentalize, we don't know we don't utilize sebab itu dalam belanjawan baru ini umpamanya, pertama kali saya letakkan bawahnya.
6. UKM buat ini, UPM buat analytics yang sebenarnya outstanding one of the top dari segi research capabilities dia dan research yang terbaik in the world tapi kita tak bagi recognition.
7. Ini yang kita lakukan sekarang, jadi GLICs plus universities, saya take note of the Prof Dr Sufian Jusoh points bahawa yang lemah adalah penyelerasan, dari segi belanja memang kita dah triple daripada peruntukan asal walaupun tambahan tu dari segi belanjawan kecil tetapi dari segi kesuluruhan itu besar, yang diperlukan adalah penyelarasan.

## **PENUTUP**

1. Saya ingat cukup berat malam ini. Ini semua bukan juta-juta, main billion-bilion sahaja ini. Tetapi ada beberapa saranan yang sangat penting kalau kita mahu terus maju dalam mengangkat negara kita. Beberapa anjakan dasar harus dilakukan. Kita singgung disini apakah kita harus mengeksport sumber asli, RE Nickel yang kita harus bergelut dengan beberapa kerajaan Negeri. Tapi kita kata negara yang lebih maju dan matang tak eksport lagi dia mesti proses dan eksport. Saya beri contoh seperti di Indonesia Nickel walaupun harga dah jatuh sekarang ini, dalam keadaan hype dulu dia daripada eksport

raw nickel harus 10 bilion dolar satu tahun. Setelah matang yang diproses lepas 3-4 tahun dia cecah sehingga 60-70 bilion. Kita sekarang kadang-kadang terpaksa bergelut dengan penguasa-penguasa di Negeri yang tuntutan hak dia untuk eksport. Tetapi ini akan menjejaskan kepentingan negara, Sebab itu kadang-kadang dalam beberapa dasar kita itu kita tekankan sedikit.

2. Seperti juga tadi yang YB Howard sebut tentang pelaburan dalam sektor energy yang saya ingat strategik dan juga dari segi keselamatan. Yang kedua, tentang potential, betul Profesor Dr Sufian Jusoh tekankan berulang kali memanfaatkan hubungan kita, hubungan antarabangsa ini sebaik mungkin untuk negara. Sebab itu umpamanya dengan Rusia, dia import kelapa sawit melalui Dubai. Kita import beberapa keperluan daripada hasil bumi juga dari Dubai, tetapi jalur secara langsung ini kita harus memanfaatkan dan dipersetujui.
  
3. Begitu juga penerbangan dia tak boleh terbang ke Malaysia sebab tak mampu, minyak nak dijual oleh Petronas kerana Petronas ada kepentingan di Amerika, Canada dan sebagainya dan akan menghadapi risiko sanction dan YM Tengku Taufik walaupun dia bunyi garang hari ini tapi dia takut. Tapi saya setuju yang ini, saya setuju sebab ini mempertahankan kepentingan strategik kita, tapi jadi jawapan kita ya lah tak boleh lah. Tetapi takkan tak ada alternatif, takkan tak boleh cari alternatif minyak yang tidak menghadapi risiko. Ini kadang hal-hal yang negara dengan pimpinan dengan kebijaksanaan rakan-rakan pemikir dan sarjana dan intelektual tolong bantu.

4. Jadi keputusan kita izinkan, mengapa tak boleh? aeroflot boleh pergi ke Thailand ke Bali ke Malaysia tak boleh. Jadi kita kena cari jalan menyelesaikan, begitu juga dengan Iran air sebagai contoh. Jadi keputusan kita teruskan asalkan jangan cara frontal langgar mestinya sehinggakan risiko sanction. Itu problem kita, sebab hubungan dagang dengan Amerika terlalu tinggi dan investment nya terlalu besar. Jadi kita kena navigate dengan cara berhemah.
  
5. Kemudian soal potensi minyak, kerana hubungan kita itu baik. Presiden Lula (Luiz Inácio Lula da Silva) pernah telefon saya. Dia kata look Anuar we are very happy with Petronas, kita akan berikan laluan langsung fasiliti baharu Petronas, tentulah Petronas putuskan sama ada bible atau tidak, itu bukan keputusan saya, tetapi ini kerana hubungan peribadi begitu rupa. Perdana Menteri Eutopia datang, dia kata ada dan sekarang ini negara-negara syarikat minyak besar semua datang, tapi dia kata dia rasa selesa untuk pertahankan supaya ada jaringan dengan kekuatan global south termasuk BRICKS dan global south.
  
6. Kemudian tentulah Iran, Iraq berpotensi walaupun ada beberapa pertimbangan yang harus kita lakukan. Ini tidak sering ya kita dapat kesempatan ini. Umpamanya ASEAN plus GCC plus China mulanya ASEAN plus GCC jadi Mohammed bin Salman Al Saud kata okey, dia tak jalankan tahun ini kerana tahun ini Laos, jadi dia kata will do it, will meet in Kuala Lumpur next year. Ini bagi saya sangat penting dari segi hubungan dagang, potential investment yang sangat besar dan ini kali pertama. Jadi kita melalui kebijaksanaan Kementerian Luar sampaikan dan saya sendiri bercakap dengan Tungku Brunei, Filipina, Presiden Indonesia, Singapore semua kata please you want

to host dan kita ada tambahan maknanya tidak di November tapi mungkin awal bulan Mei. Mana ASEAN plus GCC kemudian apabila berunding dengan Presiden X Jinping dia kata ada tak kemungkinan masukkan China jadi plus China. Jadi kita ada ASEAN Meeting kemudian plus GCC kemudian plus China.

7. Bagi saya satu yang agak strategy importance. Kemudian tentunya bukan setakat meeting dan kita manfaatkan sebaiknya. Apakah kepentingan seperti mana yang Petronas dengan Abu Dhabi sekarang ini umpamanya ataupun yang lain, bagaimana boleh kita tingkatkan pelaburan dan pelaburan mereka di sini, hubungan sangat baik sekarang ini. Dan bila kita lakukan ini dan China merasakan ini suatu kesempatan sangat baik hanya takkala Malaysia menjadi tuan rumah, kita sanggup ambil pendirian begitu. Maka saya terpaksa perunding 1 jam dengan Antony Blinken di Vientien nak terangkan ya, that we are supportive centrality, we welcome American investment, itu kemudian belum habis dia setuju je baru teringat Gaza.
  
8. Saya tahu kadang-kadang pendirian kita akan Gaza itu juga harus ingat tentang kepentingan negara. Tetapi bagi saya soal bila anak kecil, wanita dibunuh hari-hari, di langgar, jadi ada batas. Sebab itu saya sebut dalam Jemaah Menteri saya kata, dalam soal Gaza kita tak ada had, we will still express our position strongly baik depan Presiden Biden, baik depan Olaf Scholz, depan Blinken, kerana saya ingat mereka sudah langgar semua pertimbangan kemanusiaan. Ini menjijikkan, kita tengok hari-hari, mereka boleh begitu. Anak kecil berlari, belum pernah seperti yang kita baca dulu, waktu Vietnam, My Lai insiden saya ingat lagi anak kecil itu berlari dan itu masih stick tu saya yakin saya masih muda. Anak kecil di My Lai itu dia lari dan

berdepan bom Amerika. And they learn nothing sebab tu saya kata ini satu 'moral yang bankrap' sama sekali, tak ada perasaan sebab itu saya kata depan Olaf Scholz mana humanity? tak ada humanity? kemanusiaan tidak ada ke? jangan sebutlah jangan ajar kita demokrasi atau human rights kita tak mahu dengar lagi.

9. Tetapi dalam masa yang sama kita harus imbangi supaya pelaburan daripada tingkatkan supaya negara kita kuat. Ini satu saya ingat kelemahan besar negara-negara berkembang termasuk yang global atau apa lagi negara Islam. Kita bicara tapi kita lupa bahawa tanpa kekuatan dalaman kita tak mampu buat apa apa, yang ada sedikit kekuatan yang berani itu hanya kita tengok Turkiye, Iran kerana ada kekuatan dalaman. Jadi kita juga harus bina, bukan maksud bina kekuatan untuk melawan orang, tapi untuk jaga kepentingan keselamatan kita dan masa depan kita.
10. Jadi bagi saya ASEAN plus GCC plus China itu satu major strategik shift yang pertama kali dalam sejarah ASEAN yang dipersetujui secara sebulat suara. Dan mungkin saya sudah beritahu Kementerian Luar dan mungkin ini melibatkan juga MITI, Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan harus bincang betul-betul bagaimana kita boleh mendapat sepenuh manfaat daripada pertumbuhan begini dan dengan imej kita yang relatif lebih baik.
11. Jadi ini sahaja untuk malam ini. Terima kasih banyak atas layanan dan jamuan dan kehadiran yang begitu baik, Alhamdulillah. Mudah mudahan beroleh manfaat dan kita akan bertemu lagi insya-Allah

bulan depan dengan tajuk yang baru mungkin pertanian ke apa itu memang YB Mat Sabu tunggu iaitu peluang dia nak cakap.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**

**PERDANA MENTERI MALAYSIA**

**SEMPENA**

**LAWATAN KERJA DAN MAJLIS RAMAH MESRA**

**YAB PERDANA MENTERI BERSAMA MASYARAKAT**

**PADANG RENGAS**

**27 OKTOBER 2024 (AHAD) | 11:00 PAGI**

**ARENA SQUARE PEKAN ISNIN**

**PADANG RENGAS, PERAK**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillahil rabbil 'alamain

Nahmahduhu wa nusalli ala rasoolihil kareem.

Wa'ala alihi wasahbihi ajmain.

**YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad,**

Menteri Besar Perak;

**YB Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin,**

Penasihat Undang-Undang Negeri Perak;

**YB Dato' Mohd Zaki bin Mahyudin,**

Pegawai Kewangan Negeri Perak;

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;

**YBhg. Dato' Anis Rizana binti Mohd Zainudin@Mohd Zainuddin,**

Ketua Pengarah Kastam;

**YBhg. Dato' Haji Shamsuzaman bin Haji Sulaiman,**

Pengarah Pembangunan Negeri Perak;

**YBrs. Tuan Muhamamad Kamil Abdul Munim,**

Setiausaha Politik kepada YAB Perdana Menteri;

**YBrs. Toh Maharaja Indera Dr. Hj Khairil Anuar bin Arshad,**

Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar;

Exco-Exco Kerajaan Negeri Perak;

Ketua-Ketua Jabatan;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dikasihi sekalian.

## **MUKADIMAH**

1. Ucap terima kasih kepada masyarakat Padang Rengas, kerana sudi sama-sama, tadi di jualan rahmah, dan kemudian sekarang dalam majlis. Saya rasa terharu kerana nampak persahabatan, semangat kekeluargaan begitu rapat dan rapi. Mudah-mudahan majlis ini akan membawa keberkatan kepada Allah SWT.
2. Saya dengan Menteri Besar tadi ke Ulu Kangsar, projek kecil tetapi penting bagi penduduk tempatan. Selepas itu saya ke sini berjumpa rakyat. Kemudian, untuk meneruskan projek lebuh raya yang disinggung oleh Saudara Saarani sebentar tadi, iaitu WISE (Gopeng-Kuala Kangsar) kerana kesesakan yang telah berlaku sepanjang tahun. Sebelah petang baru saya ada program parti di peringkat negeri.
3. Tapi apa yang saya nak sebut di sini adalah, satu program, masalah di Kampung Ulu Kangsar pun penting. Masalah lebuh raya juga penting. Disentuh oleh Menteri Besar soal KIGIP, kita bercakap soal teknologi hijau, kita tidak mahu ketinggalan, itu juga utama. Kita bercakap Perak hendak menjadi satu negeri yang terkenal sebagai negeri yang boleh meneruskan projek pembuatan motokar, kenderaan yang besar-besar di Asia Tenggara ini, yang disebut Proton City. Kemudian, kita juga bincang tentang Maritime Dungun. Jadi ada projek besar yang penting bagi negara dan projek kecil penting bagi

orang kampung, ini semua diteliti dan dalam Belanjawan MADANI yang saya umumkan baru-baru ini kita tidak tinggalkan aspek-aspek ini.

4. Sebab itu SeJati MADANI ini satu rencana baru kerana pelbagai projek telah kita buat, puluh bilion ringgit dibelanja, kadang belanja betul, kadang belanja tiris, kadang belanja bocor, kadang belanja sakau, macam-macam berlaku. Jadi akhirnya projek itu tidak sampai sepenuhnya. Banyak yang sampai tapi ada juga yang tidak sampai.
5. Jadi SeJati MADANI ini kita seolah-olah bagi satu tanggungjawab, cabaran langsung kepada orang kampung. Nah, paling minima RM50 ribu, maksima RM100 ribu. Imamnya, ketua kampungnya, penghulunya, persatuan belianya, wanitanya, jawatankuasa masjidnya, kome duduklah runding betul-betul, teman bagi dana, wang, haa kome putuskan apa yang nak buat bagi kepentingan orang kampung. Ada yang beli traktor, ada yang beli bot. Tapi keputusan itu bukan keputusan seorang, keputusan wakil masyarakat kampung yang boleh hidupkan ekonomi mereka.
6. Ada saya pergi ke Kampung Selinsing di belah Tanjung Malim, mereka beli drone, hai saya kata, “amenda ni, orang kampung nak beli drone, apa kojonya?” rupa-rupanya untuk baja, untuk benih, dan waktu dia tak guna dia boleh sewakan ke tempat lain pulak. Dan ini boleh kita serahkan kepada orang kampung untuk putuskan. Dan program ini kita hendak bagi tanpa kecuali kepada semua kampung dalam negara ini. Tentunya tidak boleh semua buat sekali. Dan bagi saya, saya minta rakan-rakan putuskan dengan sebaiknya. Wang ini

amanah, nak kata wang tak cukup tak betul. Belanja untuk bantu orang miskin ini puluh-puluh bilion ringgit. Orang miskin masih ada. Sebab itu bila saya ambil alih tanggungjawab sebagai Perdana Menteri, saya minta senarai berapa orang di Malaysia ini yang masuk dalam senarai miskin tegar.

7. Miskin tegar ini maknanya susu anak tak cukup nak beli, uniform sekolah anak tak beli, makan kadang-kadang tidak cukup, takkan saya nak duduk selesa sebagai Perdana Menteri dan biar orang macam itu. Jadi saya kata bagi senarai itu dan kita kena bagi selesai tahun itu juga. Itu yang dikatakan menoktah miskin tegar.
8. Di Parlimen ada ahli-ahli Parlimen hentam saya, tidak apalah, buat tandas pun dia marah, dia kata ini Perdana Menteri tandas. Kerana saya nak pastikan semua sekolah, sekolah ini apa? Anak-anak kita, cucu kita, pergi sekolah, kita nak ajar apa? disiplin, bersih, tanggungjawab, kemudian tandas pun pecah, ada yang tidak boleh guna, dan tidak dipedulikan bertahun-tahun. Sebab itu saya kata, bukan sahaja di Padang Rengas, bukan sahaja di Tambun, bukan di Permatang Pauh tetapi di seluruh negara. Bagi senarai sekolah, semua tandas di sekolah kita baiki dan Alhamdulillah, saya tahu dan saya tanya tadi di Padang Rengas semua sekolah kita sudah baiki tandas sekolah.
9. Yang kedua apa? Setiap keluarga yang masuk miskin tegar, ada yang kecam saya dia kata, “oh ada orang miskin lagi?” Betul, tapi kita ambil senarai dahulu, senarai tahun 2022, bagi pada saya, saya kata berapa ada? 161,000, saya nak selesai 161,000 ini. Selesai

bagaimana? Selesai bagaimana? Bagi bantuan pada dia. Selesai bab itu, tahun depan ada lagi yang miskin tegar. Betul, kita lihat pula. Tahun 2023, selesai 161,000. Tahun 2024, mari lagi 80,000 senarai baru. Ada yang sambung, ada yang baru. Setakat ini 15,000 dah selesai, kita cuba nak selesai sebelum akhir tahun ini. Ini yang kita buat saudara-saudara. Sebab itu bagi saya ini bukan soal politik. Orang nak kecam nak maki, saya tak sibuk nak jawab.

10. Kalau di Parlimen, susah payah bukan sahaja saya, masuk Kastam cari duit, Lembaga Hasil Dalam Negeri, pegawai-pegawai rancang sebaiknya nak tolong. Saya bukan main-main amanah ini. Saudara tahu, saya di Perak ini lama. Saya belajar dulu di Malay College Kuala Kangsar (MCKK). Kemudian lepas itu dihantar ke Kemunting 2 tahun, 'cuti am' lepas peristiwa Baling. Peristiwa Baling ini sebab kadar, tentang kemiskinan rakyat di Sik, Baling. Jadi kami masa tu orang muda, bantah pasal apa tak tolong orang miskin. Cakap banyak sangat, masuk 2 tahun di Kemunting. Jadi saya belah-belah Sungai Petani, di Tambun dia kata "Ah, Anwar ini orang ayaq, bukan dia tahu ayor, dia bukan orang Perak." Saya kata "Hey dengar baik-baik, saya 9 tahun duduk di Perak; 7 tahun di MCKK, 2 tahun di Kemunting.
11. Tapi saya nak ceritakan apa dia pengajarannya? Maknanya kita tahu, masa kita muda kita tahu masalah orang miskin. Sekarang dah jadi Perdana Menteri, dah ada Kerajaan, pakat-pakat cuba selesaikan. Ini yang kita cuba buat. Sebab itu saya kalau tengok kadang-kadang di Parlimen macam Belanjawan kalau dengar 2 jam setengah, saya tak kecam orang. Saya tak kecam dan maki orang walaupun dalam perbincangan, maki. Saya pakai songkok senget sikit pun dia marah.

12. Pergi pakai baju melayu, pakai capal pun dia tak kena. Kemudian, saya guna istilah-istilah baru macam 'ketimbang' pun dia bengong sikit tak faham. Kita sebagai pemimpin kita tingkatkan penggunaan Bahasa. Dulu tak ada 'alaf' untuk 'milennium', saya gunakan. Dulu tak ada 'mampan', saya perkenalkan. Tidak ada 'telus', saya perkenalkan. Tidak popular 'kesenjangan', kita popularkan. Jadi kita didik Bahasa anak-anak supaya gunakan Bahasa. 'Ketelusan', itu Bahasa daerah di belah Selangor, yang ganti 'transparency'. Kita guna 'mansang', Bahasa Iban kita perkenalkan. Kita guna 'alaf', Bahasa Arab. Kita guna 'taklif', Bahasa Arab. Bagi saya kalau nak jawab benda ini letih kita, kerja tak jalan. Sebab itu saya nak nasihat kawan-kawan semua dari semua parti, masa ini masa angkatlah nama Malaysia ini, buat kerjalah. Nak bergaduh tunggu pilihanraya esok bergaduhlah. Sekarang kerja, angkat martabat negara dan rakyat kita.
13. Baik, saya sebut tadi pasar dan Jualan Rahmah yang dianjurkan tadi. Syed Abu Hussin saya tanya tadi "Berapa tan ikan?", dia kata "Lima (tan). 2 tan dia jual, 3 tan dia setuju," saya kata dia akan bagi pada orang-orang kampung, nak ambil, ambil tak payah bayar. 3 tan. Siapa cepat (ambil), dia kata nak habis dah. 2 jan dia jual, 3 tan dia beli supaya dapat maknanya dapat amal jariah sedekah pada hari ini.

Saudara-saudara yang dikasihi sekalian,

14. Saya sebut tadi SeJati MADANI jangan lupa, ini kita kena susun betul-betul kerana jumlah besar esok. Fikirlah, kalau RM50,000-RM100,000 satu kampung, berapa billion yang kita kena belanja? Tapi saya tak apa, kita belanja itu puas hati, tak bocor. Kita bagi terus

pada orang kampung dan kita bagi tanggungjawab dia jalan dengan baik. ICU JPM pantau, pegawai daerah pantau. Macam kita tolong orang miskin tegar tadi, kita arah semua Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai-pegawai Daerah, Pegawai Jajahan Kelantan, kalau ada nama lain tambahan, bagi nama lagi. Kerana apa ertinya pembangunan hebat, negerinya maju, tapi orang miskin tegar masih ada. Sebab itu saya rasa hal ini jadi keutamaan, apa lagi sekarang ini.

15. Semalam Perdana Menteri Ethiopia. Ethiopia ini dulu kita panggil Habsyah, datang melawat. Ini kali pertama, selepas sudah beberapa puluh tahun dah, orang ketua negara Afrika namanya Ethiopia, Habsyah datang, Perdana Menteri dia datang lawatan rasmi. Dia minta nak datang saya kata datanglah. Sibuk hari lain, panggil hari Sabtu, kita kerja hari Sabtu.

16. Dia kata dia baru balik dari Mesyuarat BRICS di Kazan, Rusia. Dia katakan kepada saya, “Perdana Menteri Anwar, saya bukan hendak puji berlebihan tapi saya tengok imej Malaysia sangat baik sekarang”. Kerana 30 negara lebih minta hendak masuk jadi ahli BRICS, Rusia, China, India, Brazil, Afrika Selatan sebab dia jadi ahli, kita pun hendak masuk. Dia kata dalam mesyuarat 8 negara asas itu yang dipengerusikan oleh Vladimir Putin Presiden Rusia, belah kanan dia Xi Jinping, Presiden negara China. Belah kiri dia Perdana Menteri India, Narendra Modi, dia kata nama negara yang pertama diusulkan ialah Malaysia. Putin cadang, sokongan kuat dan padu dari negara China, India, Brazil, Ethiopia dan Afrika Selatan terus tidak ada soal, orang terima Malaysia ini sebagai anggota BRICS yang baharu.

17. Ada negara-negara lain yang ditangguh. Kita dapat nama baik, jangan kita jadi seperti orang Kedah kata, jangan jadi “peraq”, jangan jadi sombong. Kita istighfar kepada Allah SWT. Maknanya kita kena kerja kuat lagi. Saya hendak bangga Malaysia ini bukan kerana bangunan tinggi, tidak, bukan kerana projek-projek besar dan raksama, tidak, kerana rakyat itu terbelah itu yang penting.
  
18. Sebab itu saya beritahu kepada YAB Dato’ Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak tadi setiap kali saya berkunjung tadi hendak ke lebuhraya, projek besar projek berbilion ringgit ataupun KIGIP beberapa bulan lalu di Kerian, sebelum itu di Tanjung Malim tapi tidak boleh tinggal kalau projek-projek kecil di kampung. Buat apa tadi? bagi benih ikan, bagi benih ikan di kolam buat jalan harga pun RM1 juta lebih sahaja. Dari segi Kerajaan Persekutuan itu projek kecil, dari segi orang kampung itu penting bagi kehidupan dia. Jadi kita kena tengok dari segi kedua-duanya.
  
19. Malaysia hari ini dianggap sebagai hab pusat utama semikonduktor. Itu penting bagi kita, teknologi baru. Dan baru-baru ini teknologi digital, artificial intelligence (AI), baik Microsoft, Google, Amazon Web Services, semua tumpu ke Malaysia. Di antara syarikat utama AI INVIDIA sampai ke Johor. Keseluruhan mereka pelaburan itu sudah mencecah RM30 bilion hingga RM40 bilion dan mula bertapak.
  
20. Orang kata, “Oh umum sahaja” tidak! Google sudah pun beli tanah dan buka projeknya di Selangor. Infineon sudah berkembang kegiatan dia di Kulim Hi-Tech. Intel perbesarkan

projek di Pulau Pinang umpamanya. Jadi hal-hal ini penting bagi negara kita. sebab apa? sebab politik itu stabil.

21. Orang tidak nampak negeri macam negeri-negeri lain bergaduh. Jadi orang berminat untuk datang. Sebab apa? dasar kita jelas dan percayalah saya tidak mahu tolak ansur kalau mana-mana pemimpin sekarang hendak guna kuasa dia hendak kayakan diri dia hendak curi duit, hendak ambil kontrak saya akan lawan mereka habis habisan, itu prinsip saya.
22. Saya tidak peduli kecaman dan sindiran, dengan saya ini tidak ada kontrak melainkan tender kamu nak runding-runding nak sakau-sakau tidak boleh, itu dasar kita. Dan saya tidak ambil gaji di sindir, saya tidak ambil gaji tetapi saya ada elaun ahli parlimen, saya bukan miskin, kereta percuma, kapal terbang kerajaan ada, semua dibayar. Sebelum ini ada pemimpin, menteri kewangan harta berbilion-bilion gaji ambil juga. Saya dah rasa berhempas pulas berjuang, masuk penjara dan keluar penjara kena terajang setengah mati, kena maki hamun dan fitnah, diaibkan berpuluh tahun. Sekarang Allah takdirkan saya jadi Perdana Menteri buatlah sebaiknya jangan fikir soal diri, fikir soal rakyat ini yang saya nak buat, saudara-saudara.
23. Dan saya singgung perkara ini kerana kalau tidak jawab orang keliru, jawab sikit-sikitlah kerana kita nak tumpu kerja. Astagfirullah hal azim, saya beristighfar kepada Allah subhanahu wa taala bukan maksud saya datang ke Padang Rengas untuk saya bercerita kita hebat. Kalau tanya kepada saya, saya bukan sabar, Datuk Anis tahu dia Kastam, dulu Kementerian Kewangan mesyuarat sahaja saya

tekan habis-habis pegawai jangan lembab, menteri-menteri kena cepat turun ke bawah. Tanya kepada YAB Dato' Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak, mesyuarat Menteri Besar kalau ada projek lulus cepat, itulah KIGIP Negeri Perak telah buat rekod kelulusan paling cepat untuk projek Hi-Tech di Kerian. Mana boleh buat projek besar senang, buat projek kecil bukan main susah.

24. Saya luncurkan projek perumahan rakyat untuk orang berpendapatan rendah di Taman Desa, Kuala Lumpur, Perumahan MADANI Rakyat untuk rakyat bawah. Saya bagi arahan kepada pihak Bandaraya kalau syarikat itu cukup syaratnya saya bagi dia 45 hari saya nak turun lancarkan projek itu. Saudara, projek perumahan yang berapa unit, sekitar 400 ke 500 unit boleh siap dan lulus dalam masa 45 hari. Boleh pulak. Dan dalam pada itu ada protes, rumah-rumah orang kaya sebelah itu ada protes, pasal apa buat rumah jalan jadi sesak. Uihhh haa ini yang nak cakap Kedah ni “hang rumah hang besaq, takpa. Nak buat rumah orang miskin, sesaklah, kotorlah” ini perangai hodoh macam ini kita tidak boleh layan. Jadi saya beritahu mereka projek orang kaya kita bagi, jangan halang perumahan rakyat. Ini saya cakap saudara, pemimpin ini boleh bercakap garang di kampung, ujian dia bila berdepan dengan orang besar-besar. Bila dia berdepan dengan tauke-tauke besar. Kamu berani atau tidak itulah ujian dia, bukan yang berleter marah panjang bila kamu tiada kuasa, bila ada kuasa itu kamu kerah kayakan anak pinak kamu, anak bilion ringgit, isteri ratus juta, kamu punya harta di sini, harta di New York, harta di satu dunia. Kemudian bila tiada kuasa marah orang sana, marah orang sini.

25. Saya nak bagitahu kalau kita nak buat, nasihat pada sahabat saya YAB Dato' Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak, kalau kita nak buat kena buat sekarang masa kita ada kuasa, buat sebaiknya, bersih, angkat martabat rakyat, bawa perubahan dan hayati Islam sebagai agama dan Ad-Din. Ini ujiannya. Saya nak sampaikan itu sahaja di Padang Rengas ini, bukan nak marah tapi nak bagi tahu. Dah lama tak datang jadi ini masa nak lepas sikit (nada seloroh).
26. Ini saya nak sebut, kerana penting saudara-saudara. Dulu bila ringgit jatuh, kita baru ambil alih, baru nak buat program-program, sekarang dah buat, Alhamdulillah, termasuk juga persekitaran ekonomi dunia, ringgit kita kukuh. Dari segi peningkatan mutu nilai ringgit, ringgit sekarang menjadi mata wang yang terkuat, peningkatan tertinggi di dunia, Alhamdulillah.
27. Jadi saudara-saudara, saudari-saudari, kena ingat, kalau kita buat program, kita sasarkan penyasaran subsidi, penyasaran diesel dahulu. Sekarang kalau dengar perbahasan di Parlimen, semua bercakap hendak pertahankan T15. T15 apa? T15 ini adalah tingkat 15% paling kaya, bukan maknanya millionaire, billionaire, dak. Yang kita kecualikan tak payah naik harga minyak ini 85%. Makna yang dalam dewan ini juga di luar kita kecualikan daripada naik harga minyak, tetapi dalam perbahasan di Parlimen semua nak jadi jaguh-jaguh untuk pertahankan T15 ini. Kalau dia cadang dia kata kena kaji T15, T15 ini mungkin orang itu tidak kaya betul, tak apa saya terima teguran. Tapi takkan nak jadi jaguh, ini politik apa ini? Negara inilah negara di mana orang politik riuh rendah hendak pertahan orang kaya, nak pertahan T15.

28. Dan orang kampung bayar dak, naikkan harga dak. Ini yang saya nak sebut minta saudara-saudara faham, kadang-kadang dasar, boleh dengar, nilai. Kadang-kadang orang itu mungkin ada janggut macam saya, atau pakai kopiah, atau pakai kot tak usah kira, dengar dan nilai betul-betul. Nilai dan bincang betul-betul dia fahamkah ekonomi? dia bincang betul-betul. Niat ikhlaskah hendak bangunkan negara kita ataupun kerana dengki tidak dengki ke? sudah jadi Perdana Menteri tidak ambil gaji, marah, tidak dengki ke tu? apa masalah ini. Saya boleh ambil satu tahun sudah berapa ratus ribu sudah dapat. Sudah 2 tahun sejutalah. Tidak apa? saya tidak miskin.
29. Menteri-menteri potong 20% gaji. Walaupun untuk penjawat awam kerana tidak pernah naik gaji sudah 12 tahun, Disember ini dinaikkan gaji. Januari naik lagi sikit. Februari bagi lagi RM500. Setakat yang kita mampu, makna tiga (3) bulan berturut-turut dia naik bertahap. Apa kebijakan dia? kalau naik mendadak bimbang takut inflasi, jadi kita naik berperingkat.
30. Jadi saya harap kawan-kawan baik di Padang Rengas dan sekitar, cuba ikuti perkembangan dan selamatkan negara kita. Yang paling penting faham bahawa negeri ini bukan miskin, negeri ini kaya. Urus dengan baik, kalau tidak bocor, kalau pemimpin-pemimpin tidak sakau, tak kira parti mana, kita boleh jaga betul-betul, baik pemimpin, baik pegawai, baik tinggi, baik rendah, jaga betul-betul pegang amanah ini. Sebab itu saya tambah peruntukan untuk SPRM, saya suruh dia ambil tindakan, saya tidak peduli siapa, supaya nampak tegas untuk apa? untuk selamatkan negara kita ini.

31. Kalau dalam 2-3 tahun ini orang tengok faham Malaysia ini negeri yang bersih tatakelolanya. Bersyarah bolehlah, Melayu lah, ketuanan Melayu lah, hidup melayu lah, Islam lah, tegak Islam lah, tapi bila ada kuasa sakau juga, serupa juga tidak guna. Ujiannya itu apa dia? Ya ayyuhallazina'amanu istajibū lillahi walir-rasuli iza da'akum lima yuhyikum, (Surah Al-Anfal:24).Selalu kita peringatkan, ujiannya bukan kata-kata yang manis dan memukau yang walaupun benar, ujiannya adalah penghayatan. Wa'amilan solihan, (amal yang soleh). Semoga Allah SWT memberi kekuatan kepada kita. Terima kasih banyak atas kesudian hadir dalam panas.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Copyright of the Prime Minister's Office Official Website**

Source: <https://www.pmo.gov.my/2024/10/teks-ucapan-yab-perdana-menteri-lawatan-kerja-dan-majlis-ramah-mesra-yab-perdana-menteri-bersama-masyarakat-padang-rengas/>